

KENYATAAN MEDIA

PENENTUAN AWAL NEGATIF PENYIASATAN ANTI-LAMBAKAN MENGENAI IMPORT BATANG PENULANGAN KONKRIT KELULI DALAM BENTUK PANJANG LURUS YANG BERASAL DARIPADA ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA DAN REPUBLIK KOREA

Kerajaan telah memulakan penyiasatan ke atas pengimportan Batang Penulangan Konkrit Keluli dalam bentuk panjang lurus pada 2 September 2014 setelah Pihak Berkuasa Penyiasat menerima petisyen daripada Ann Joo Steel Berhad (Pempetisyen) yang mendakwa bahawa pengimportan batang penulangan konkrit keluli ke Malaysia dari Republik Rakyat China dan Republik Korea telah menyebabkan kemudaratan material kepada industri tempatan di Malaysia.

Berdasarkan perenggan 23(2)(b) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993, Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk menamatkan penyiasatan ini. Kerajaan Malaysia telah menentukan bahawa penamatan penyiasatan mengenai import batang penulangan konkrit keluli dalam bentuk panjang lurus, secara khususnya tidak termasuk batang penulangan dalam bentuk bulat biasa, iaitu batang penulangan tidak berbunga atau licin dalam bentuk panjang lurus, bersamaan dengan atau kurang daripada 6 meter bagi penggunaan industri bukan binaan yang dikelaskan di bawah Nombor Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) 7214.20.210, 7214.20.290, 7214.20.910, 7214.20.990, 7228.10.100, 7228.10.900, 7228.20.100, 7228.20.900, 7228.30.100, 7228.30.900, 7228.40.100, 7228.40.900, 7228.50.100, 7228.50.900, 7228.60.100 dan 7228.60.900 yang berasal dari Republik Rakyat China dan Republik Korea (“dagangan subjek”) seperti berikut:

- (i) harga eksport dagangan subjek adalah melebihi nilai normalnya atau pada tahap *de minimis*; dan
- (ii) tiada kemudaratan material terhadap industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa yang boleh dengan semunasabahnya dikaitkan dengan pengimportan dagangan subjek.

Pihak berkepentingan boleh mendapatkan notis penentuan awal negatif penyiasatan duti anti-lambakan bagi “dagangan subjek” tersebut melalui portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di www.miti.gov.my

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Kuala Lumpur, Malaysia
30 Januari 2015**